

Aplikasi geospatial bantu MAIDAM bangunkan tanah wakaf

SINAR HARIAN HK : 29 27/7/2023

KUALA TERENGGANU - Aplikasi geospatial membantu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) melancarkan proses pengurusan dan pembangunan tanah wakaf di Terengganu.

Yang Dipertua MAIDAM, Datuk Shaikh Harun Shaikh Ismail berkata, setakat ini lebih 600 data tanah wakaf di Terengganu dimuat naik menerusi Aplikasi Geospatial Tanah Wakaf MAIDAM sejak ia digunakan pada 2018.

Katanya, pengumpulan data melalui aplikasi yang dibangunkan oleh Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Pusat Geospatial Negara (PGN) itu penting dalam membantu MAIDAM membuat pertimbangan untuk membangunkan tanah wakaf berkenaan.

"Pengumpulan lebih 600 data tanah wakaf menerusi aplikasi ini di Terengganu membolehkan ia disusun atur sebagai sebuah *dashboard* atau papan pemuka tersendiri.

"Ia akan mempermudah rumusan rekod-rekod tanah wakaf dalam bentuk yang mudah untuk difahami dan secara tidak langsung membantu pihak pengurusan MAIDAM dalam membuat pertimbangan membangunkan tanah wakaf berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena merasmikan program kesedaran berwakaf peringkat negeri Terengganu dan pelancaran *Dashboard Aplikasi Geospatial Tanah Wakaf MAIDAM*, di sini pada Rabu.



Shaikh Harun (dua dari kanan) bersama Selamat (dua dari kiri) dan Ahmad Azrin (kanan) ketika hadir sempena program kesedaran berwakaf peringkat negeri Terengganu dan pelancaran *Dashboard Aplikasi Geospatial Tanah Wakaf MAIDAM* pada Rabu.

Hadir sama, Ketua Pengarah JAWHAR, Datuk Selamat Paigo dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, Dr Ahmad Azrin Adnan.

Menurut Shaikh Harun, usaha pen-digitalan data tanah wakaf menerusi aplikasi itu membolehkan pihak pengurusan MAIDAM memantau secara lebih dekat tanah-tanah wakaf di negeri ini disamping membuat keputusan terbaik dalam pelaksanaan pembangunan harta tanah wakaf.

Jelas beliau, pelancaran *Dashboard*

Aplikasi Geospatial Tanah Wakaf MAIDAM amat signifikan dan penting kerana Terengganu menggunakan sepenuhnya aplikasi itu.

"Dengan kemudahan teknologi dan aplikasi digital ini, kita harap sambutan diberikan bagi mereka yang ingin melaksanakan potongan gaji untuk berwakaf secara konsisten terus meningkat dan menggalakkan."

"Kita juga berharap lebih ramai lagi masyarakat di Terengganu mengambil

bahagian dalam berwakaf bagi memajukan sosioekonomi setempat sekali gus meraih keredaan ALLAH SWT," ujarnya.

Program kesedaran berwakaf peringkat Terengganu 2023 yang diadakan di Dataran Masjid Abidin, di sini pada Rabu memuatkan pelbagai aktiviti antaranya ceramah, pameran serta promosi produk perkhidmatan berkaitan wakaf dan sosioekonomi daripada pelbagai agensi.



Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon **019-2650823** atau emel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian **03-51017469**.

**10 pagi hingga 8 malam
setiap hari**